

**PENGETAHUAN MAHASISWA UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA
TERHADAP PENGINTEGRASIAN ILMU *AQLI* DAN *NAQLI*: SATU ANALISIS
DESKRIPTIF**

**Universiti Kebangsaan Malaysia Students Knowledge Toward Integration Knowledge Aqli and
Naqli: An Analysis Descriptive**

*Mohd Aderi Che Noh¹, Deena Bibi Nurkiah Hasmadi¹, Hasnan Kasan²

¹Fakulti Pendidikan
Universiti Kebangsaan Malaysia
43600, Bangi
Selangor, Malaysia.

²Pusat Citra Universiti
Universiti Kebangsaan Malaysia
43600, Bangi
Selangor, Malaysia.

*Corresponding author's email: aderi@ukm.edu.my

Article History:

Submit: 8 June 2018

Accepted: 8 June 2018

Revised: 22 June 2018

Published: 30 June 2018

Attarbawiy: Malaysian Online Journal of Education

Vol. 2, No. 1 (2018), 67-74

Abstrak

Pengintegrasian di dalam bidang ilmu ialah satu metodologi yang bukan asing dalam peradaban Islam. Tujuan utama untuk menangkis kepercayaan Muslim yang terikat dengan konsep *ethnocentric* di mana budaya Barat lebih maju, maka seseorang itu akan terkehadapan jika menuruti telunjuk mereka. Justeru, artikel ini merupakan hasil kajian tinjauan yang bersandarkan kepada objektif mengenalpasti tahap pengetahuan mahasiswa terhadap integrasi ilmu, metodologi, kepentingan dan pelaksanaan. Seramai 367 orang sampel dalam kalangan mahasiswa Universiti Kebangsaan Malaysia yang dipilih secara rawak mudah. Hasil kajian menunjukkan bahawa tahap pengetahuan integrasi ilmu adalah sederhana rendah iaitu 50.3%, tahap pengetahuan metodologi integrasi ilmu adalah rendah iaitu 37.4%, tahap pengetahuan kepentingan integrasi ilmu adalah sederhana rendah iaitu 50.6% dan tahap pengetahuan pelaksanaan integrasi ilmu adalah sederhana rendah iaitu 53.7%. Justeru itu, para pendidik dan para pentadbir harus bersama-sama mencari inisiatif baharu dalam memulakan pendidikan integrasi dalam pembelajaran di peringkat universiti ini agar mahasiswa dapat menjalani kehidupan sebagai Khalifah yang taat selain mempraktikkan ilmu moden dalam menghadapi kehidupan yang serba mencabar kini.

Kata kunci: integrasi ilmu, mahasiswa, *aqli*, pendidikan, *naqli*, muslim

Abstract

The integration in the field of knowledge is a non-conventional methodology in Islamic civilisation. The ultimate goal is to fend off Muslim beliefs tied to the ethnocentric concept in which Western culture is more advanced, then one will be preceded if they follow their index. Hence, this article is a result of a survey based on the objective of identifying the students' knowledge level towards the integration of knowledge, methodology, importance and implementation. A total of 367 samples were randomly selected from University Kebangsaan Malaysia students. The results showed that the knowledge level of knowledge integration was moderate to low at 50.3%, the level of knowledge integration methodology was low at 37.4%, the knowledge level of the integration of knowledge was moderate low at 50.6% and the knowledge level of knowledge integration was moderate to low at 53.7%. Therefore, educators and administrators should look for new initiatives in embarking on integration education in the university level so students can live a calm caliph as well as practice modern science in the face of challenging life now.

Keywords: knowledge integration – students - *aqli* – education – *naqli* - muslim

1.0 PENGENALAN

Pengintegrasian ilmu adalah berkaitan dengan penyepaduan antara ilmu *naqli* (agama) dan *aqli* (sains). Keprihatian seseorang muslim amat penting bagi meneruskan proses kemandirian manusia. Bahkan ia merupakan satu perkara yang dituntut di dalam Islam sepertimana yang termaktub dalam surah Az-Zumar, ayat ke-9:

“Katakanlah: Adakah sama orang yang berilmu dengan orang yang tidak berilmu?”
(Zainal Abidin et. al 2015)

Ayat di atas menunjukkan Allah S.W.T menggesa hamba-Nya untuk menuntut ilmu sebagai satu keperluan hidup. Apatah lagi, perkaitan antara ilmu dan akidah adalah satu simpulan yang tidak boleh terurai sama sekali. Ini jelas membuktikan bahawa keperibadian seseorang adalah refleksi daripada ilmu yang diperolehi (Musnizam et. al 2012) di mana seharusnya segala apa perbuatan yang dilakukan jauh terhindar daripada unsur negatif. Hal ini dapat dicapai sekiranya seseorang individu tersebut menuntut ilmu secara holistik iaitu menguasai segala bidang di dunia dan menghambakan diri dengan akhirat (Ishaq Farhan 1989).

2.0 KONSEP INTEGRASI ILMU

Pengetahuan dalam ilmu *naqli* dan *aqli*, kedua-duanya memberi kesan positif ke dalam diri individu. Akan tetapi, ia seharusnya selaras dari segi pemahaman dan pengaplikasian di mana ia bukan satu pilihan untuk mendasari satu ilmu sahaja. Hal ini demikian kerana, pengintegrasian ilmu amat membantu dalam membangunkan diri, masyarakat dan negara (Deuraseh 2010) dalam dunia serba moden ini. Akan tetapi, kurikulum pendidikan kini kurang menyediakan integrasi ilmu di sekolah mahupun di universiti (Noor Hisham, Mohd Akhiruddin et al. 2015, Asmau 2016). Seterusnya Nasir Omar (2005) mengemukakan dua definisi berkenaan dengan integrasi ilmu ini. Ia melibatkan proses penyatuan dua sistem pendidikan merangkumi pendidikan sekular dan agama. Keduanya, menerap secara konkrit visi Islam ke dalam sistem pendidikan. Sidek Baba (2011) menyokong pernyataan tersebut dan menjelaskan bahawa integrasi ilmu merupakan satu penunjuk jalan terbaik dalam mendepani cabaran global, melibatkan pengembalian fitrah ilmu kepada integratif.

Penyataan di atas juga pernah disebut oleh Al-Attas (1993) bahawa Islamisasi merupakan proses dua hala yakni pembebasan diri (*liberation*) dan pengembalian diri (*devolution*) kepada kejadian asalnya kepada fitrah. Pembebasan yang dimaksudkan ialah pembebasan manusia daripada sikap tahyul, mitos, animisme disamping membebaskan akal daripada pengaruh sekularisme (Wan Mohd Nor 1995, Mohd Adlin 1999, Shopuan Annuar 2003 & Kamil et al. 2008). Maiwada (2008) pula beranggapan bahawa integrasi merupakan satu proses transformasi daripada jahil kepada Islam.

Manakala tauhid pula menjadi asas kepada integrasi ilmu ini. Tauhid bermaksud beriman kepada Tuhan yang Esa tanpa mensyirikanNya (Ibrahim Mustafa 1990). Mujahiddin (1997) pula mendefinisikan tauhid sebagai beriman kepada Allah S.W.T yang Satu. Pendapat di atas juga dirungkai oleh Jamaludin (1994) di mana tauhid memberi satu makna Allah itu tunggal atau tidak ada satupun bersamaNya, serta satu penafian bahawa Allah S.W.T bersifat berbilang-bilang. Asas utama dalam bidang tauhid ialah Tauhid *Uluhiyyah*, Tauhid *Rububiyah* dan *Asma' wa Sifat* (Mohd Aderi et al. 2014). Tegasnya, tauhid merupakan satu bidang ilmu berkaitan dengan ketuhanan di mana sumber utamanya ialah wahyu yakni Al-Quran dan As-Sunnah. Al-Quran merupakan sumber primer mutlak dalam pemahaman setiap bidang ilmu (Mohd Aderi et al. 2014). Ia merupakan kalam Allah yang diturunkan kepada Nabi Muhammad sebagai penyampai risalah agama Islam. Kalam ini berbahasa Arab dan berperanan sebagai kitab pendidikan dan panduan untuk berdakwah kepada manusia seluruh alam (Mahyuddin, 2001).

Manakala As-sunnah pula berstatuskan sumber sekunder yang wajib dipercayai oleh setiap Muslim. Ia merangkumi perkataan, perbuatan dan perakuan yang lahir dari Nabi Muhammad. Hassan Langgulung (1997) menjelaskan bahawa akhlak yang disampaikan oleh Rasulullah melalui Sunnah adalah bersandarkan akhlak al-Quran. Selain itu, Sunnah berperanan sebagai penjelasan daripada al-Quran berorientasikan kehidupan manusia dengan cara hidup Islam (Abu Hassan 1982). Oleh itu, jelaslah bahawa dua sumber utama yakni Quran dan Sunnah wajib dijadikan sebagai pegangan untuk menjamin akidah yang sempurna mengikut acuan Islam.

Maka, konsep asas pengintegrasian ilmu adalah perlu berdasarkan ilmu tauhid yang diperturunkan melalui wahyu. Hal ini ditegaskan oleh para sarjana Islam seperti Al-Ghazali, Al-Attas, Al-Faruqi (Noor Hisham, Rosnani & Imron 2000). Al-Ghazali misalnya telah mentekadkan hatinya untuk mempelajari dan memahami setiap perkara berkaitan dengan falsafah agar dapat membezakan antara kebenaran dan kebatilan (Noor Hisham, t.th). Hal ini sekaligus memberi satu inspirasi kepada para intelektual Islam agar mengkaji kedua-dua aliran yakni Islam dan Barat agar mendapat setiap keuntungan dari mana-mana pihak. Setiap dasar yang diinovasi mempunyai kepentingannya yang tersendiri dalam membina sebuah ketamadunan yang maju. Perkara ini termasuklah proses integrasi ilmu terutamanya di dalam kurikulum pendidikan. Integrasi ini meliputi dua bidang ilmu iaitu *naqli* dan *aqli*. Penulis berpendapat bahawa kedua-dua ilmu tersebut harus dimurnikan lagi supaya dapat membimbing manusia ke arah yang lebih baik iaitu kembali kepada Pencipta.

Muhammad Abdul Wahid yang dipetik oleh Ridha (1931) yang menjelaskan bahawa tujuan pembaharuan pendidikan Islam adalah untuk mendidik akal dan jiwa manusia agar mencapai kebahagiaan dunia dan akhirat di mana menekankan pengembangan jiwa bukannya akal semata-mata. Pemikir Barat misalnya, mereka lebih mengagungkan kehebatan akal berbanding keajaiban agama. Hal ini dilihat melalui perspektif kebenaran hanya boleh dibuktikan melalui uji kaji sains dan meletakkan kedudukan agama di aras yang tidak penting (Humaira, 2011).

Setiap Muslim perlu cakna dengan kenyataan di atas. Hal ini demikian kerana, pemikiran sebegini sekaligus melahirkan sekelompok individu masyarakat yang berpegang kepada ideologi Barat yakni ilmu dikategorikan sebagai bebas nilai. Pendapat penulis selaras dengan Ishaq Farhan (1989) di mana beliau mengklasifikasikan bahawa pendidikan di Barat sedang menghadapi dilema kerana lemahnya sistem nilai dalam proses pendidikan mereka di mana pendidikan secara total dipengaruhi oleh kajian eksperimen bagi mencapai sesuatu kebenaran. Di samping itu juga, proses integrasi ilmu mampu membimbing umat Islam dalam menghadapi ancaman global tanpa perlu berpaling kepada ajaran Islam (Helal Uddin & Manjurul Alam, 2014). Hal ini demikian kerana, seseorang individu tersebut telah dibekalkan dengan ilmu agama yang menjadi teras pegangan dalam kehidupannya (Usher 1998, Seyyed Mahdi & Ramazan 2008). Konklusinya, integrasi ilmu amat penting dalam memperkuat ketahanan akhlak individu berteraskan ilmu tauhid.

3.0 PERNYATAAN MASALAH

Permasalahan sosial dalam masyarakat Islam memerlukan kawalan dari awal iaitu menerusi pendidikan yang bermakna. Justeru, acuan pendidikan yang berteraskan integrasi ilmu amat penting sebagai persediaan kepada generasi yang bakal dilahirkan. Ini bagi mengatasi pelbagai isu sosial dalam masyarakat dewasa ini. Seperti mana yang ditegaskan oleh Bushrah et al. (2006) bahawa kekejaman sosial dalam kalangan mahasiswa sudah di tahap yang membimbangkan. Ia rentetan daripada pergaulan bebas antara lelaki dan perempuan di institusi pengajian tinggi kerana tiada pantauan khas yang dijalankan. Selain itu, perkembangan teknologi dalam sesebuah tamadun turut memberi impak negatif dalam tatacara hidup remaja (Janib 2009 & Abu Bakar 2010). Keruntuhan institusi kekeluargaan juga menambah kekosongan di jiwa mereka (Yusuf & Najihudin t.th) dan hal ini sekaligus mendorong supaya melakukan sesuatu yang negatif untuk menghilangkan tekanan.

Tekanan atau lebih dikenali dengan "*stress*" merupakan punca utama pelajar terlibat dalam masalah sosial. Selain daripada masalah sosial, Hasri (2009) juga menyebut bahawa stress ini boleh menjadi penghalang kepada kejaayaan seorang pelajar. Terdapat pelbagai tingkahlaku *stress* yang mengundang kepada perlakuan negatif seperti kebimbangan, perasaan marah, sedih dan ketidakstabilan emosi yang memerlukan sesuatu tindakan dilakukan untuk menghilangkan perasaan tersebut (Folkman dan Moskowitz 2004).

Antara faktor lain masalah sosial ini berlaku disebabkan kerana ketidakeberkesanan pelajaran ilmu agama semasa di peringkat sekolah rendah dan menengah. Burlan Somad (1981) berpendapat bahawa hal ini disebabkan kerana ketidakserasian kurikulum dalam matapelajaran Pendidikan Islam di sekolah-sekolah dan kebanyakannya guru sekolah hanya memberi teori-teori tetapi tidak menunjukkan secara praktikal apatahlagi hendak menerangkan secara keseluruhan apa itu Pendidikan Islam yang sebenarnya. Selain itu, guru lemah dalam mengadaptasi suasana kepelbagaian etnik dan budaya serta tidak mempunyai pengalaman dalam membimbing pelajar sebegini merupakan satu faktor kurangnya penerapan ajaran Islam dalam kehidupan pelajar Muslim. Kajian Noraini (2015) telah membuktikan bahawa penerapan

budaya dalam sesi pengajaran dan pembelajaran seharusnya dilakukan sebagai mekanisme dakwah berhikmah, mengeratkan silaturrahim, menunjukkan Islam sebagai agama sejagat di samping membantu dalam menangani masalah sosial pelajar.

Bagaimanakah permasalahan tersebut dapat dibendung? Sebenarnya, banyak langkah yang telah diambil oleh pelbagai pihak yang bertanggungjawab dalam menangani masalah ini. Antaranya dalam bentuk pendidikan dan ianya dijalankan secara formal atau tidak formal. Menurut Kamarudin (1989) ibu bapa, guru, pihak sekolah/universiti merupakan golongan yang banyak memainkan peranan dalam membentuk akhlak dan sahsiah remaja. Bukan sahaja membimbing secara teori malah memastikan mereka mempraktikkan dalam kehidupan seharian (Nasir 2010). Seterusnya, Suhaida (2013) menyuarakan pendapat bahawa kepelbagaian aktiviti ketika pendidik menyampaikan ilmu seperti perbincangan kumpulan, menonton video berkaitan amat memberi pengaruh yang besar dalam penerapan dan pelaksanaan tuntutan agama dalam kalangan pelajar. Hal ini disokong oleh Ahmad Sahlan (2015) bahawa pelaksanaan aktiviti sekolah yang menarik dan berorientasikan Islam secara total mampu menerapkan nilai-nilai Islam dalam kalangan pelajar sekaligus membentuk peribadi dan akhlak yang baik ke dalam diri pelajar.

Rohizan (2015) pula berpendapat bahawa pendidik sepatutnya memberi contoh tauladan yang baik bagi membentuk akhlak pelajar setelah dilenturkan dari kecil oleh ibu bapa. Hal ini sekaligus menyokong pendapat penulis bahawa pendidikan formal dan tidak formal, kedua-duanya mampu menangani masalah sosial dalam kalangan remaja terutamanya golongan intelektual yang menuntut di menara gading. Tidak ketinggalan, rakan sebaya juga memberi pengaruh yang kuat terhadap pembentukan akhlak remaja. Hal ini demikian kerana golongan ini telah membuat lingkungan yang berbeza dan akrab di luar persekitaran keluarga (Zakaria et al. 2012).

Walaubagaimanapun, terdapat juga usaha lain dari pihak kerajaan Malaysia dalam mendepani cabaran akhlak remaja ini. Antaranya ialah merombak semula kurikulum pendidikan mencakupi ilmu *naqli* dan *aqli* seperti di beberapa Sekolah Menengah Kebangsaan Agama dan Maktab Rendah Sains Mara (Sidek Baba 2017). Hal ini kerana ilmu aqli dan naqli, kedua-duanya saling memerlukan (Fathul Mufid 2013). Pemisahan antara kedua ilmu ini mengakibatkan identiti seorang Muslim itu semakin terhakis. Persoalannya, mengapa usaha ini tidak giat dilaksanakan di peringkat Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA)?

Mendukacitakan, statistik pada tahun 2016, Kementerian Pendidikan merekodkan sebanyak 13,359 pelajar sekolah rendah dan menengah di seluruh negara terlibat dalam salah laku disiplin berat atau yang berunsur jenayah bagi tempoh Januari hingga Jun tahun tersebut. Isu-isu keruntuhan akhlak seperti ini semestinya mempunyai kaitan dengan pengaruh-pengaruh seperti keluarga, rakan sebaya, pengaruh barat, masyarakat sekeliling, media massa dan sebagainya (Nor 2009, Fauziah et. al 2011, Zainudin & Norazmah 2011, Wan 2013). Fenomena seperti ini merupakan suatu ancaman besar bagi mencapai kemajuan dan pembangunan negara. Menurut Zainudin & Norazmah (2011), hal ini disebabkan oleh kegagalan mengatasi masalah keruntuhan akhlak yang saban hari kian meningkat. Oleh itu, satu penyelesaian yang kritis perlu dilakukan demi menangani masalah tersebut.

Oleh itu usaha untuk mengurangkan masalah sosial dari aspek pendidikan iaitu berpaksikan kepada integrasi ilmu. Gejala sosial boleh didefinisikan sebagai satu perlakuan dan cara hidup seseorang individu yang berlawanan dengan agama dan kebudayaan sesuatu masyarakat (Baharom et al. 2008). Tuntasnya, strategi pencegahan bertunjangkan integrasi ilmu amat diperlukan dalam tangani krisis akhlak remaja. Hal ini rentetan kemungkinan tamadun Islam untuk terus mundur itu tinggi ekoran daripada statistik masalah sosial remaja yang dipertanggungjawabkan untuk menjadi pemimpin pada masa hadapan semakin meningkat setiap tahun.

4.0 OBJEKTIF KAJIAN

Oleh itu, secara keseluruhan penulisan ini berorientasikan empat objektif seperti di bawah:

- a) Mengetahui tahap pengetahuan mahasiswa terhadap integrasi ilmu.
- b) Mengetahui tahap pengetahuan mahasiswa terhadap metodologi integrasi ilmu
- c) Mengetahui tahap kefahaman mahasiswa terhadap kepentingan integrasi ilmu
- d) Mengetahui tahap pengetahuan mahasiswa terhadap pelaksanaan integrasi ilmu

5.0 METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini bertemakan reka bentuk kajian kuantitatif berbentuk kaedah tinjauan. Menurut Syed Arabi Idid (2002) kaedah tinjauan merupakan satu kaedah penyelidikan yang dijalankan untuk mengumpul data daripada satu populasi. Melalui kaedah ini, penyelidik tidak perlu mendapatkan data dari keseluruhan populasi yang ingin dikaji tetapi hanya perlu mengkaji sebahagian elemen daripada populasi tersebut. Pengumpulan matlumat kaedah tinjauan menggunakan set instrumen seperti soal selidik (Ahmad Munawar & Nor Shahizan 2017). Soal selidik kajian ini akan menggunakan soal selidik tertutup. Kajian ini dijalankan di Universiti Kebangsaan Malaysia yang melibatkan seramai 367 sampel kajian.

6.0 DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Jadual 1 berkaitan objektif 1 iaitu tahap pengetahuan mahasiswa terhadap integrasi ilmu.

Jadual 1 Pengetahuan Integrasi Ilmu

Bil	Item	Kekerapan (Betul)	Peratus (%)
1	Integrasi bermaksud penggabungan antara ilmu agama dan sains	221	60.2
2	Keseluruhan konsep integrasi berpaksikan wahyu	220	59.9
3	Antara cabang ilmu agama ialah Al-Quran, Hadith dan Feqah (hukum syarak)	185	50.4
4	Contoh bidang ilmu sains ialah Teknologi dan Matematik.	185	50.4
5	<i>Dualisme</i> adalah antonim bagi integrasi	185	50.4
6	Islamisasi adalah sinonim bagi integrasi	185	50.4
7	Setiap pelajar fardhu ain mempelajari ilmu agama	185	50.4
8	Setiap pelajar fadhu kifayah mempelajari ilmu sains	185	50.4
9	<i>Softskills</i> merupakan <i>output</i> ilmu sains	185	50.4
10	Setiap bidang ilmu perlu didasari dengan ilmu Islam	185	50.4

Melihat kepada dapatan yang diperolehi, tahap pengetahuan mahasiswa terhadap konsep asas integrasi ilmu adalah sederhana rendah kerana purata keseluruhan item menunjukkan peratus sebanyak 50.3%. Pengkaji beranggapan bahawa kondisi ini berlaku kerana pengetahuan am tentang integrasi ilmu tidak diambil cakna oleh golongan mahasiswa. Sedangkan pengetahuan am tentang sesuatu perkara amat penting dalam keberlangsungan hidup mahasiswa sebagai pelajar mahupun sebagai pekerja kelak. Bahkan, pengetahuan am yang luas juga boleh meningkatkan kualiti diri setiap manusia (Luqman 2016).

Secara positifnya, kreativiti seseorang individu tersebut boleh diperkembangkan jika pengetahuan am mereka tinggi. Menurut Mohsin & Nasruddin (2006), keberhasilan seseorang individu dalam mencipta idea yang kreatif sangat bergantung kepada kedalaman dan keluasan pengetahuan yang dimilikinya dalam sesuatu bidang. Walaubagaimapun, Simoton (1989) beranggapan bahawa sememangnya pada tahap pengajian tinggi, para mahasiswa ini akan kurang mengambil cakna hal diluar lingkungan pembelajaran kursus dipelajari mereka. Maka hal ini secara langsung menyebabkan golongan tersebut kurang berpengetahuan terhadap integrasi ilmu

Objektif kajian ke 2 adalah mengenal pasti tahap pengetahuan mahasiswa berkaitan metodologi integrasi ilmu.

Jadual 2: Dapatan Metodologi Integrasi Ilmu

Bil	Item	Kekerapan (Betul)	Peratus (%)
1	Ilmu sains hanya berpandukan akal sahaja	185	50.4
2	Ilmu agama tidak memerlukan rasional akal	185	50.4
3	Ilmu agama harus ditolak kerana tidak relevan	185	50.4
4	Tidak semestinya teori ilmu agama memerlukan kaedah uji kaji	185	50.4
6	Sirah Nabi boleh digunakan dalam menyelesaikan sesuatu permasalahan	185	50.4
7	Kebenaran tidak dapat dirungkai melalui kajian sains sahaja	63	17.2

8	Ilmu sains mempunyai kaitan dengan ilmu ghaib seperti perasaan dan emosi	63	17.2
9	Rasional akal lebih utama daripada ilmu agama	117	48.2
10	Integrasi ilmu bertujuan mengurangkan pengaruh sekular	148	40.3

Hasil dapatan menunjukkan bahawa tahap pengetahuan mahasiswa terhadap metodologi integrasi ilmu adalah rendah iaitu purata peratus sebanyak 37.4%. Bacaan peratus terendah bagi konstruk tahap pengetahuan mahasiswa terhadap metodologi integrasi ilmu ialah 17.2% iaitu pada item ke-8 "*Kebenaran tidak dapat dirungkap melalui kajian sains sahaja*" dan item ke-7 "*Ilmu sains mempunyai kaitan dengan ilmu ghaib seperti perasaan dan emosi*". Melihat kepada peratus ini, jelas membuktikan bahawa mahasiswa tidak mengetahui bahawa kebenaran terungkuai apabila ilmu sains dan agama diintegrasikan. Misalnya, tentang penciptaan manusia, proses tersebut ada di sebut di dalam Al-Quran, surah Al-Mukminun ayat 12-14 terjemahannya:

"Dan sesungguhnya Kami telah menciptakan manusia dari suatu saripati (berasal) dari tanah. Kemudian Kami jadikan saripati itu air mani (yang disimpan) dalam tempat yang kokoh (rahim). Kemudian air mani itu Kami jadikan segumpal darah, lalu segumpal darah itu Kami jadikan segumpal daging, dan segumpal daging itu Kami jadikan tulang belulang, lalu tulang belulang itu Kami bungkus dengan daging. Kemudian Kami jadikan dia makhluk yang (berbentuk) lain. Maka Maha suci Allah, Pencipta Yang Paling Baik."

(Zainal Abidin et. al 2007: 342)

Ayat di atas menceritakan proses kejadian manusia dari mani hingga bayi dan hal ini juga telah diperakui dalam ilmu sains dengan memberi tahap tumbesaran embrio (Al-Atsari 2007). Berkaitan dengan item 7 "*Ilmu sains mempunyai kaitan dengan ilmu ghaib seperti perasaan dan emosi*" hal ini menjelaskan mahasiswa UKM tidak mengiktiraf ilmu agama dalam mempelajari ilmu sains. Yasien (1991) menjelaskan bahawa pengintegrasian ilmu sebegini seharusnya berterusan dalam arus pendidikan kerana kedua-dua ilmu agama dan sains tidak akan bercanggah kerana kedua-duanya bersumber kepada Tauhid (Kamal 1979).

Dapatan kajian seterusnya ialah berkaitan tahap pengetahuan mahasiswa UKM berkaitan kepentingan integrasi ilmu iaitu berada pada tahap sederhana rendah dengan bacaan 50.6%.

Jadual 3: Dapatan Kepentingan Integrasi Ilmu

Bil	Item	Kekerapan (Betul)	Peratus (%)
1	Integrasi ilmu berfungsi mendidik akal dan jiwa manusia	148	40.3
2	Pemahaman terhadap ilmu agama mendekatkan manusia kepada Pencipta	148	40.3
3	Kajian daripada ilmu sains boleh mendekatkan hamba kepada Pencipta	184	50.1
4	Integrasi ilmu boleh menghasilkan modal insan yang seimbang	184	50.1
5	Integrasi ilmu penting dalam pembangunan tamadun Islam	183	49.9
6	Ilmu sains membawa kepada pembangunan sosial	245	66.8
7	Ilmu agama membawa kepada pembangunan sosial	245	66.8
8	Integrasi ilmu dapat memberi pelbagai <i>input</i> kepada pelajar	149	40.6

Peratus terendah sebanyak 40.3% dalam jadual di atas berada pada item 1 "*Integrasi ilmu berfungsi mendidiki akal dan jiwa manusia*" dan item 2 "*Pemahaman terhadap ilmu agama mendekatkan manusia kepada Pencipta*". Sememangnya fungsi utama integrasi ilmu adalah untuk menghasilkan seorang insan yang holistik, terdidik akal dan terjaga aspek rohaninya (Shamsul 2014). Hal ini kerana, seorang yang mempunyai nilai intelektual tinggi tetapi tiada nilai kerohanian samalah seperti orientalis Barat di mana golongan ini hanya mengagungkan aspek pengetahuan manakala spiritual dipisahkan dalam diri masing-masing (Humaira 2011).

Pemahaman sebegini sangat berbeza dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan yang menerapkan nilai holistik dalam diri seorang insan merangkumi aspek intelek, rohani, emosi dan jasmani. Perbincangan mengenai ilmu agama mendekatkan diri insan kepada Pencipta sememangnya benar kerana ilmu wahyu ini membimbing manusia ke arah kehidupan yang lebih baik dan jauh daripada melakukan dosa (AlHassan 2005 & Fuad et.al 2017). Konklusinya, setiap Muslim harus sedar bahawa apakah tujuan mereka

dihidupkan di atas muka bumi ini iaitu menjadi hambaNya yang taat dan menuntut ilmu sebagai bekal di dunia.

Objektif kajian keempat adalah berkenaan tahap pengetahuan mahasiswa berkaitan pelaksanaan integrasi ilmu.

Jadual 4: Dapatan Pelaksanaan Integrasi Ilmu

Bil	Item	Kekerapan (Betul)	Peratus (%)
1	Kerajaan bertanggungjawab melaksanakan integrasi ilmu	238	64.9
2	Non-kerajaan bertanggungjawab melaksanakan integrasi ilmu	205	55.9
3	KAFA berfungsi sebagai kelas amali integrasi ilmu	223	60.8
4	Kurikulum bersepadu merupakan contoh pelaksanaan integrasi ilmu	149	40.6
5	Islam Hadhari adalah contoh program integrasi ilmu	218	59.4
6	Integrasi ilmu memerlukan <i>blue print</i> untuk dilaksanakan	149	40.6

Hasil dapatan kajian mendapati tahap pengetahuan mahasiswa UKM terhadap pelaksanaan integrasi ilmu adalah sederhana rendah dengan purata peratus sebanyak 53.7%. Peratus tertinggi yang mencapai 64.9% iaitu pada item 1 "*Kerajaan bertanggungjawab melaksanakan integrasi ilmu*". Hakikatnya, kedua-dua badan kerajaan dan non-kerajaan bertanggungjawab dalam melaksanakan integrasi ilmu. Contoh integrasi ilmu yang telah dijalankan oleh badan kerajaan ialah kurikulum bersepadu. Bahkan Kurikulum Bersepadu Dini juga telah dilaksanakan bagi membentuk peserta didik yang menguasai pengetahuan, berkemahiran dalam berfikir, berkemahiran dalam memimpin, mempunyai kemahiran dwibahasa, beretika dan kerohanian, dan beridentiti nasional.

Antara usaha lain badan non-kerajaan dalam melaksanakan integrasi ilmu ini misalnya Kerajaan Negeri Selangor telah menubuhkan Sekolah Integrasi dengan menggunakan konsep Sekolah Rendah Agama sebagai sistem utama pendidikan mereka. Buktinya, Sekolah Rendah Agama Negeri Selangor telah melaksanakan kurikulum agama dengan bersepadukan KBSR (Buletin SRAI 2011). Perkara ini seharusnya diambil cakna juga oleh pihak Kementerian Kerajaan Malaysia kerana pelaksanaan integrasi ilmu kurang aktif di sekolah-sekolah kerajaan (Kamal 2012) sedangkan sekolah tersebut paling ramai jumlah pelajarinya berbanding sekolah yang dibina oleh pihak non-kerajaan.

7.0 KESIMPULAN

Integrasi ilmu penting dalam mendidik jiwa dan akal manusia. Hal ini sekaligus dapat membantu dalam kemenjadian peserta didik dalam era globalisasi kini. Akidah yang baik mampu membantu dalam keberlangsungan hidup selain daripada mempunyai daya intelektual yang tinggi. Akan tetapi, kedua-duanya memberi satu impak yang positif dan hal ini seharusnya disepadukan demi mencapai kejayaan yang holistik.

Kejayaan integrasi ilmu ini bukan sahaja mampu menghasilkan kepribadian Muslim yang mapan tetapi dalam masa yang sama mampu membawa kepada penghasilan golongan professional-ustaz . Penguasaan yang tinggi terhadap ilmu sains tidak menjadikan mereka ketinggalan dalam ilmu agama. Kredibiliti golongan ini seharusnya dijadikan suri tauladan bagi mendorong para remaja untuk mengikuti jejak langkah mereka agar tidak melakukan perkara yang sia-sia sekaligus dapat membantu dalam menurunkan statistik keruntuhan moral negara kita, Malaysia.

8.0 RUJUKAN

- Ahmad Munawar dan Mohd Nor Shahizan. 2017. Kaedah Penyelidikan Sosial daripada Perspektif Penyelidikan Pengajian Islam. Bangi: Penerbit FPI UKM.
- Ajat Sudrajat. 2011. Mengapa Pendidikan Karakter? Jurnal Pendidikan Karakter 1(1): 47-58.
- Ani Nur Aeni. (2010). Pendidikan Nilai di Sekolah Dasar. Online: http://file.upi.edu/Direktori/JURNAL/PENDIDIKAN_DASAR/Nomor_14Oktober_2010/PENDIDIKAN_NILAI_DI_SEKOLAH_DASAR.pdf Retrieved: 20th May 2018.

- Baharom Mohamad, Ali Suradin dan Za'ba Helmi Khamisan (2008). Peranan Pendidikan Islam dan Pendidikan Moral dalam Membina Sahsiah Pelajar Berkualiti. *Persidangan Pembangunan Pelajar Peringkat Kebangsaan*: 1-18.
- Buletin SRAI Selangor (2011). Sejarah Penubuhan SRAI di Jabatan Agama Islam Selangor.
- Humaira Ahmad. 2011. Reformation: Religious, Political and Social Consequences for Western Society. *Journal of Islamic Thought & Civilization*, 1(1): 71-78.
- Md. Helal Uddin dan Manjurul Alam Mazumber. (2015). Islamization of Knowledge: An Explanatory Study of Concepts, Issues and Trends. *International Journal of Multidisciplinary Research and Development*, 1(6): 99-109.
- Mohd Aderi Che Noh, Noraini Omar & Nur Hanani Hussin (2014). Sumber Pendidikan Islam bab Pendidikan dan Globalisasi. UKM: Fakulti Pendidikan
- Mohd Musnizam Jaafar @ Mustapha Ab. Halim Tamuri Rohizan Ya. 2012. Konsep Berilmu Di Kalangan Guru Pendidikan Islam Satu Keperluan Dalam Membangunkan Modal Insan. *Prosiding Seminar Antarabangsa Perguruan dan Pendidikan Islam (SEAPPI2012)*.
- Muhd Fuad Othman, Mohd. Aderi Che Noh, Maimun Aqsha Lubis dan Wan Nurul Shuhada Wan Hassan (2017). Pendidikan Rohani berasaskan Sains Al-Quran. *ASEAN Comparative Education Research Journal on Islam and Civilization, (ACER-J)* 1(1) 64-77.
- Noor Hisham Md Naw. (2015). Kesenambungan dan Sinergisme Konsep Kesepaduan dan Islamisasi Ilmu. *E-Journal of Arabic Studies and Islamic Civilization*, (2): 60-68.
- Noor Hisyam. (t.th). Islamisasi Kurikulum Pendidikan Islam Di Institusi Pendidikan Guru ; *Tribulasi Dan Cadangan*. Artikel pdf.
- Osman Bakar (1998). *Classification of Knowledge in Islam*. UK: The Islamic Texts Society
- Syed Arabi Idid. (2002). *Kaedah Penyelidikan Komunikasi dan Sains Sosial*. KL: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Zuraidah Binti Othman Dan Dr Hajah Aizan Binti Ali @ Mat Zin (2014). Pendidikan Integratif Dalam Islam: Kesepaduan Iman, Ilmu Dan Amal (*Integrative Education In Islam: Unity Faith, Knowledge And Charity*). *Jurnal Al-Muqaddimah*, 2 (2):21-45